

Murid henti tuisyen dek kurang wang cetus inspirasi mahasiswa wujudkan kelas percuma

By HUMAIRA SAFIYA MOHD HELMI mhhumaira@sph.com.sg

Berita Harian, Page 8, Section: BERITA
Tuesday 4 August 2026
660 words, 800cm² in size
28,500 circulation

Student stopping tuition due to lack of money sparked undergraduate's inspiration to create free classes

Terkesan oleh keperitan hidup, dua warga Singapura kini berbakti mencerahkan masa depan golongan kurang berkemampuan melalui inisiatif tuisyen percuma dan agihan makanan harian. BERITA HARIAN (BH) menyelami kisah mereka sempena sambutan Hari Kebangsaan 2026.

Murid henti tuisyen dek kurang wang cetus inspirasi mahasiswa wujudkan kelas percuma

BrightGuides kendalian MTFA beri peluang pelajar kurang berkemampuan raih sokongan pembelajaran Matematik

HUMAIRA SAFIYA MOHD HELMI
mhhumaira@sph.com.sg

Ketidakmampuan seorang pelajar membayar tuisyen menjadi titik perubahan yang mendorong Encik Ashsufi Hussin, 24 tahun, mahasiswa kejuruteraan mekanikal di Universiti Teknologi Nanyang (NTU), menubuhkan BrightGuides, program tuisyen percuma yang memberi tumpuan kepada Matematik bagi pelajar kurang berkemampuan.

Pernah bekerja sebagai guru tuisyen sambil selama lima tahun untuk menyara dirinya, Encik Ashsufi memulakan inisiatif itu pada Julai 2025 di bawah naungan Persatuan Dana Amanah Muslimin (MTFA), dengan hanya lima pelajar dan tiga sukarelawan.

Ia antara usaha MTFA dalam memperkasa masyarakat menerusi pendidikan, di samping memastikan lebih ramai keluarga berpendapatan rendah mendapat akses kepada sokongan pembelajaran berkualiti.

Kini, BrightGuides telah berkembang kepada lebih 40 sukarelawan dan menyokong 25 pelajar dari Darjah Satu hingga Menengah Lima menerusi kelas mingguan di Masjid An-Nur yang terletak di Admiralty Road dan Masjid Sallim Mattar di kawasan MacPherson.

Idea itu tercetus daripada pengalamannya mengajar seorang pelajar bermotivasi tinggi yang terpaksa berhenti tuisyen kerana masalah kewangan.

Selepas Encik Ashsufi terus mengajarnya secara percuma, pelajar itu meningkat daripada gred D7 dalam peperiksaan prelim kepada B3 dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran (GCE) Peringkat 'N', sekaligus menguatkan kepercayaannya bahawa potensi seseorang pelajar tidak harus terbatas oleh keadaan kewangan keluarga.

Bagi Cik Qasrina Sujimy, 22 tahun, mahasiswi tahun tiga



Pengasas BrightGuides, Encik Ashsufi Hussin, bersama ketua pusat tuisyen, Cik Qasrina Sujimy yang mengendalikan kelas tuisyen percuma bagi subjek Matematik di Masjid An-Nur dan Masjid Sallim Mattar. – Foto BH oleh NUR DIYANA TAHA

jurusan Perniagaan, Pengurusan Operasi di Universiti Pengurusan Singapura (SMU), menyertai BrightGuides menjadi langkah pertamanya menceburi kerja kesukarelawanan secara konsisten.

Anak kedua daripada tiga beradik itu kini berkhidmat sebagai guru tuisyen dan ketua pusat, bertanggungjawab menyelaras operasi kelas setiap minggu selain membimbing pelajar dalam mata pelajaran Matematik.

Menurutnya, beliau tertarik menyertai BrightGuides selepas melihat peluang kesukarelawanan yang dikongsi menerusi saluran Telegram, selain merasakan program itu bertepatan dengan minat dan kemahirannya.

“Semasa saya di sekolah rendah dan menengah, ibu bapa sentiasa memastikan saya dapat menghadiri tuisyen.

“Saya sedar peluang itu banyak membantu saya memperolehi keputusan yang baik dan membuka laluan ke universiti.

“Jadi apabila saya melihat masih ada pelajar yang tidak mempunyai akses kepada sum-



Encik Ashsufi Hussin, 24 tahun, pengasas BrightGuides bersama Nur Dinny Muhd Irfan, 16 tahun, pelajar di bawah program tersebut. – Foto BH oleh NUR DIYANA TAHA

ber seperti ini, saya rasa perlu memainkan peranan untuk membantu,” katanya.

Selain mengajar, beliau memastikan bilik darjah disediakan sebelum kelas bermula, mengurus kehadiran pelajar dan guru, menyediakan bahan pembelajaran serta menyelaras perjalanan sesi agar semuanya

berjalan lancar.

Namun, menurutnya, cabaran terbesar bukanlah menyediakan bahan pengajaran, sebaliknya memastikan dirinya sentiasa hadir dengan komitmen dan semangat yang sama setiap minggu.

“Setiap Ahad, tentu ada masanya kita mahu berehat

atau meluangkan masa bersama keluarga. Tetapi saya sentiasa mengingatkan diri mengapa saya menyertai program ini.

“Bagi saya, bukan sekadar hadir, tetapi hadir dengan sepenuh hati. Pelajar boleh merasai jika kita benar-benar mahu membantu mereka,” katanya.

Salah satu pengalaman yang paling meninggalkan kesan buatnya ialah apabila seorang murid Darjah Enam yang sebelum itu sangat pendiam akhirnya mula berbual dengannya selepas tamat kelas.

Katanya, perbualan ringkas mengenai sekolah dan minat terhadap Piala Dunia mungkin kelihatan kecil, namun ia menjadi petanda bahawa pelajar tersebut mula mempercayainya.

“Bagi saya, itu lebih bermakna daripada sekadar melihat markah peperiksaan meningkat kerana dia berasa selesai untuk membuka cerita tentang dirinya,” ujarnya.

Cik Qasrina berkata pengalaman itu turut membuka matanya bahawa cabaran yang dihadapi golongan muda bukan hanya berkaitan kewangan, malah ada yang berdepan isu keyakinan diri serta persekitaran keluarga yang kurang kondusif.

“Saya harap BrightGuides dapat diperluaskan ke lebih banyak kawasan di Singapura supaya lebih ramai keluarga mengetahui bahawa bantuan pendidikan seperti ini wujud,” tambah Encik Ashsufi.

